

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

PERINGATAN: Anda diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat Lembaran Pendedahan Produk ini. Sekiranya terdapat terma dan syarat di dalam Lembaran Pendedahan Produk ini yang tidak anda fahami, anda dinasihatkan untuk mendapatkan penjelasan lebih lanjut daripada kakitangan, wakil atau ejen Bank.

KAD DEBIT VISA AFFIN ISLAMIC

1. Apakah produk ini?

Kad Debit VISA AFFIN ISLAMIC ialah instrumen pembayaran patuh Syariah yang membolehkan pembayaran barangan dan/atau perkhidmatan dibuat melalui kad debit di kedai yang mengambil bahagian. Kad debit ini juga membolehkan Ahli Kad mengeluarkan wang tunai di mesin teler automatik (ATM) di dalam dan di luar negara melalui rangkaian VISA Plus.

Anda dikehendaki mempunyai akaun deposit dengan AFFIN ISLAMIC BANK ("Bank"), untuk dihubungkan dengan Kad Debit VISA AFFIN ISLAMIC. Kad debit anda akan dibatalkan secara automatik jika anda menutup akaun deposit anda.

Bagi memastikan transaksi berjaya dilakukan, anda dikehendaki untuk memastikan dana mencukupi di dalam Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan-i anda.

Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan-i AFFIN ISLAMIC hanya boleh dihubungkan dengan Kad Debit VISA AFFIN ISLAMIC.

2. Apakah konsep Syariah yang terpakai untuk produk ini?

Konsep di bawah produk ini adalah berlandaskan *Ujrah* (fi perkhidmatan). Di bawah konsep ini, fi akan dikenakan kepada pelanggan berdasarkan perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan yang dikenal pasti. Perkhidmatan tersebut boleh merangkumi kemudahan pembayaran untuk barangan dan perkhidmatan; dan pengeluaran wang tunai daripada akaun pelanggan melalui mesin teler automatik.

Berdasarkan prinsip ini, Bank menyediakan perkhidmatan pembayaran Tempat Jualan Debit Terus (POS) dan perkhidmatan pengeluaran wang tunai di ATM kepada Ahli Kad dengan fi yang dikenakan pada setiap tahun. Selain fi tahunan, Bank juga akan menerima hasil daripada Fi Pertukaran Elektronik yang dikenakan kepada peniaga dan melalui Rebat Pelbagai Mata Wang.

3. Apakah yang saya dapat daripada produk ini? / Apakah ciri-ciri produk ini?

- Kemudahan Pengeluaran Wang Tunai di ATM
- Kemudahan Pembayaran - Untuk membayar bil atau memberi kebenaran kepada peniaga untuk mengenakan caj secara automatik dari Kad Debit VISA AFFIN ISLAMIC secara terus kepada pengeluar bil untuk bil utiliti, keahlian gimnasium, bil telefon dan sebagainya.
- Penerimaan MCCS dan VISA Tanpa Sentuh

4. Apakah terma dan syarat utama?

PRA-KEBENARAN

Untuk transaksi pra-kebenaran contohnya petrol dan penginapan hotel, amaun pra-kebenaran yang dibenarkan akan dipotong daripada Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan-i Pemegang Kad dan seterusnya dilaraskan setelah amaun yang sebenar digunakan telah dilangsaikan.

- Untuk transaksi petrol di pam petrol, amaun pra-kebenaran sebanyak RM200 akan dicaj ke akaun Kad apabila Pemegang Kad membuat pembayaran menggunakan Kad. Pihak Bank akan hanya caj amaun transaksi yang sebenar dan menjelaskan mana-mana lebihan amaun yang ditahan daripada Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan-i Pemegang Kad dalam masa tiga (3) hari bekerja selepas tarikh transaksi.
- Untuk transaksi hotel, amaun pra-kebenaran (yang akan berdasarkan kepada tempoh penginapan) akan dicaj semasa daftar masuk ke hotel. Amaun pra-kebenaran tersebut akan dipotong daripada Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan-i Pemegang Kad dan seterusnya dilaraskan apabila amaun sebenar yang digunakan telah dilangsaikan atau tidak lebih daripada 30 hari dari tarikh transaksi, yang mana lebih awal.

TRANSAKSI TANPA SENTUH

- Had pembelian harian Kad untuk transaksi tanpa sentuh boleh ditukar pada bila-bila masa oleh Pemegang Kad di kaunter cawangan atau ATM Bank atau apa-apa cara yang dimaktubkan oleh Bank pada masa hadapan, tertakluk kepada had gabungan maksima sehari.
- Bagi transaksi tanpa sentuh, had maksimum setiap transaksi ditetapkan pada RM250 sehari.
- Namun begitu, jika amaun transaksi melebihi had, Pemegang Kad dikehendaki untuk memasukkan kad ke terminal POS dan meneruskan transaksi dengan memasukkan PIN.
- Pemegang Kad dibenarkan untuk mematikan atau memilih keluar daripada fungsi Tanpa Sentuh dengan mengunjungi mana-mana cawangan AFFIN ISLAMIC/AFFIN BANK.

HAD TRANSAKSI HARIAN

- Had perbelanjaan harian akan ditetapkan pada RM5,000 dan tertakluk pada had maksimum terkumpul sebanyak RM10,000. Pemegang Kad boleh mengubah had perbelanjaan harian dengan mengunjungi cawangan AFFIN ISLAMIC/AFFIN BANK atau ATM Bank.
- Had Pengeluaran tunai adalah ditetapkan pada RM3,000 sehari dan tertakluk pada had maksimum terkumpul sebanyak RM5,000 sehari. Had pengeluaran maksimum adalah RM1,500 setiap transaksi. Pemegang Kad boleh mengubah had pengeluaran tunai dengan mengunjungi cawangan AFFIN ISLAMIC/AFFIN BANK atau ATM Bank.

LAIN-LAIN

- Pemegang Kad Bank yang mempunyai Akaun dan berumur lapan belas (18) tahun ke atas dan pemegang Akaun bawah umur iaitu dua belas (12) tahun ke atas layak untuk memohon Kad.
- Dalam kes Akaun bersama, hanya Pemegang Akaun bersama yang mempunyai arahan "ditandatangani oleh salah satu" boleh memohon Kad.
- Kad boleh dikeluarkan kepada remaja bawah umur antara 12 hingga 17 tahun dengan had transaksi RM300.

5. Berapakah fi dan bayaran yang perlu saya bayar?

Fi Tahunan	Tahun pertama: DIKECUALIKAN. Tahun seterusnya: RM12.00 setahun RM8.00 setahun (Terpakai untuk Akaun Simpanan-i Asas dan Akaun Semasa-i Asas di bawah Pilihan 2*) *Pengeluaran ATM tanpa had dan pengeluaran di kaunter (OTC).
Penggantian Kad	▪ Disebabkan oleh kehilangan/kecurian kad, hilang PIN atau kad dirosakkan oleh Pelanggan - RM12.00 ▪ Disebabkan kad rosak yang dipulangkan kerana kerosakan teknikal atau dipanggil semula oleh Bank untuk penggantian - Dikecualikan ▪ Disebabkan oleh transaksi fraud atau maklumat kad bocor - Dikecualikan
Fi Pertanyaan Baki melalui ATM AFFIN ISLAMIC dan AFFIN BANK	Tanpa Caj
Fi Pengeluaran Wang melalui ATM AFFIN ISLAMIC dan AFFIN BANK	Tanpa Caj
Fi Pengeluaran Wang melalui ATM/MEPS Bank lain	▪ RM1.00 bagi setiap pengeluaran di ATM Bank ahli MEPS tempatan termasuk Kuwait Finance House dan Bank Al-Rajhi. ▪ RM1.00 bagi setiap pengeluaran di ATM Bank Luar Negara yang berada di dalam negara (Citibank, Standard Chartered, UOB, HSBC & OCBC) melalui rangkaian MEPS ▪ RM12.00 bagi setiap pengeluaran di bank ahli MEPS Rentas Sempadan (Indonesia, Singapura, China & Thailand) ▪ RM12.00 bagi setiap pengeluaran melalui rangkaian VISA.
Pemindahan Segera (IBFT) MEPS melalui ATM	▪ RM0.01 - RM5,000 = Pengecualian fi ▪ RM5,000.01 - RM50,000 = RM0.50 setiap transaksi

Interbank GIRO melalui ATM	RM0.10 setiap transaksi
Salinan Draf Jualan	RM 10.00 bagi setiap salinan
Fi Penukaran Transaksi Di Luar Negara	Apabila Ahli Kad menggunakan Kad di luar Malaysia, transaksi yang dibelanjakan akan ditukar kepada Ringgit Malaysia dengan kadar pertukaran ditentukan oleh VISA Antarabangsa pada tarikh transaksi diproses oleh VISA antarabangsa dan termasuk sehingga 1% spread pertukaran asing (sebelum ini dikenali sebagai kos pentadbiran).

6. Apakah tanggungjawab saya dalam menggunakan dan melindungi kad?

- Anda hendaklah memaklumkan AFFIN ISLAMIC sekiranya terdapat pertikaian atau percanggahan berhubung dengan kad dalam tempoh 14 hari dari tarikh penyata.
- Anda hendaklah sentiasa menjaga dengan cermat bagi memastikan keselamatan kad anda daripada hilang dan dicuri dan mengelakkan nombor PIN terdedah kepada pihak ketiga. Anda hendaklah memaklumkan kami dengan segera selepas mengetahui yang kad anda hilang atau dicuri atau nombor PIN diketahui orang lain, dan seterusnya membuat pengesahan bertulis. Jika kad anda digunakan untuk transaksi yang tidak dibenarkan, satu salinan laporan polis hendaklah diserahkan kepada Bank dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar dari tarikh transaksi yang tidak dibenarkan diketahui.
- Anda tidak boleh mendedahkan PIN, ID log masuk, kata laluan dan butiran kad kepada mana- individu, dan jika anda gagal berbuat demikian, maka anda bertanggungjawab terhadap AFFIN ISLAMIC untuk apa-apa kemasukan debit dalam akaun kad anda dengan AFFIN ISLAMIC, yang timbul daripada apa-apa transaksi yang tidak dibenarkan.
- Anda bertanggungjawab untuk semua transaksi yang anda lakukan.

7. Bagaimanakah jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

- Anda bertanggungjawab untuk transaksi berasaskan PIN yang tidak dibenarkan jika telah dibuktikan bahawa anda:
 - melakukan pemalsuan;
 - lewat memaklumkan Bank seberapa segera yang boleh selepas mengetahui tentang kehilangan atau penggunaan Kad yang tidak dibenarkan;
 - sengaja mendedahkan PIN kepada orang lain; atau
 - mencatat PIN pada Kad, atau pada apa-apa yang disimpan berdekatan Kad, yang boleh hilang atau dicuri bersama dengan Kad.
- Anda bertanggungjawab untuk transaksi yang tidak dibenarkan yang memerlukan pengesahan tandatangan atau yang menggunakan kad tanpa sentuh, jika telah dibuktikan bahawa anda:
 - melakukan pemalsuan;
 - tidak memaklumkan Bank seberapa segera yang boleh selepas mengetahui tentang kehilangan atau penggunaan Kad yang tidak dibenarkan;
 - meninggalkan Kad atau barang yang mengandungi Kad tanpa dijaga, di tempat yang boleh dilihat dan diakses oleh orang lain, kecuali di kediaman Ahli Kad. Ahli Kad dikehendaki menjaga dengan penuh cermat bagi memastikan keselamatan Kad walaupun di kediaman Ahli Kad; atau
 - mengizinkan orang lain menggunakan Kad dengan rela.
- Anda bertanggungjawab untuk transaksi e-perbankan, jika telah dibuktikan bahawa anda:
 - melakukan pemalsuan;
 - sengaja mendedahkan identiti akses (ID) dan kod laluan kepada mana-mana orang lain, melalui e-mel yang tidak diminta atau pada mana-mana laman web selain laman web rasmi Bank;
 - tidak mengambil langkah yang wajar bagi memastikan alat sekuriti selamat sepanjang masa; atau
 - gagal melaksanakan tanggungjawab untuk melaporkan pelanggaran keselamatan kod laluan atau kehilangan alat sekuriti kepada Bank seberapa segera yang boleh selepas Ahli Kad mengetahui tentang pelanggaran atau kehilangan tersebut.

- d. Transaksi debit terus atau tanpa menggunakan kad, jika telah dibuktikan bahawa anda:
- melakukan pemalsuan; atau
 - gagal melaksanakan tanggungjawab untuk melaporkan apa-apa transaksi yang tidak dibenarkan kepada Bank seberapa segera yang boleh, selepas Ahli Kad mengetahui tentang transaksi yang tidak dibenarkan itu.
- e. Bank dengan memberikan notis atau alasan terlebih dahulu, berhak:
- Menyekat atau mengehadkan had perbelanjaan harian anda atau menolak dan selain itu menahan akaun kad.
 - Memeriksa akaun kad anda pada bila-bila masa apabila dirasakan perlu; dan
 - Menamatkan kemudahan kad jika anda gagal mematuhi terma dan syarat berkenaan penggunaan kad.

Anda bertanggungjawab untuk apa-apa transaksi yang tidak dibenarkan sebelum melaporkan kepada Bank.

8. Apakah risiko-risiko utama?

- Kehilangan atau kecurian kad.
- Pendedahan nombor PIN/ maklumat kad kepada pihak ketiga.

Anda hendaklah mengambil segala langkah berjaga-jaga untuk mencegah kehilangan dan kecurian kad dan pendedahan nombor PIN kepada pihak ketiga. Sila hubungi kami dengan segera di 03-8230 2222 apabila mendapati kad anda hilang atau dicuri atau nombor PIN anda telah terdedah dan diikuti dengan pengesahan bertulis. Sekiranya kad anda digunakan untuk transaksi yang tidak dibenarkan, satu salinan laporan polis hendaklah dihantar kepada pihak Bank dalam masa tujuh (7) hari dari tarikh transaksi tidak dibenarkan diketahui.

9. Apa perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam maklumat untuk dihubungi?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada kami sebarang perubahan maklumat peribadi anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Pemberitahuan itu mestilah secara bertulis dan e-mel atau melalui serahan tangan kepada mana-mana cawangan Bank.

10. Apakah aktiviti yang dilarang yang tidak boleh saya lakukan dengan Kad Debit VISA AFFIN ISLAMIC?

- Anda tidak dibenarkan menggunakan kad anda untuk apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang seperti pertaruhan haram dalam talian. AFFIN ISLAMIC berhak menamatkan kemudahan kad dengan serta-merta jika Ahli Kad didapati menggunakan kad untuk aktiviti yang menyalahi undang-undang.
- Selain itu, Perjanjian untuk Kad Debit VISA AFFIN ISLAMIC hendaklah tertakluk dan ditafsir menurut Undang-undang Malaysia dan Prinsip Syariah, dengan Ahli Kad dikehendaki menggunakan kad hanya untuk membuat pembelian runcit dan pembayaran Barangan dan Perkhidmatan Halal sahaja.
- Anda tidak boleh mendedahkan nombor PIN dan maklumat kad kepada mana-mana orang lain dan bertanggungjawab terhadap Bank untuk apa-apa kemasukan debit dalam Akaun Kad anda dengan bank yang timbul daripada apa-apa transaksi yang tidak dibenarkan.
- AFFIN ISLAMIC mempunyai kuasa mutlak untuk menghentikan apa-apa transaksi yang dilakukan dengan perniagaan tidak patuh Syariah. Kod peniaga dan transaksi berikut telah disekat daripada penggunaan oleh Ahli Kad:

5921	Kedai arak, bir, wain, dan minuman keras
5993	Kedai dan gerai cerut
7273	Perkhidmatan dating dan iring
7995	Transaksi perjudian
7802	Perjudian (Lumba kuda, lumba anjing)
7800	Loteri Milik Kerajaan (Wilayah U.S sahaja)
7801	Perjudian Internet
9406	Loteri Milik Kerajaan (Negara-negara tertentu)

11. Apakah ciri keselamatan lain yang terdapat pada Kad Debit VISA AFFIN ISLAMIC?

- a. Cip Keselamatan dan Teknologi PIN melindungi maklumat akaun dan wang anda.
- b. Pemberitahuan SMS akan dihantar secara percuma ke nombor telefon mudah alih anda yang berdaftar dengan AFFIN ISLAMIC untuk amaun pembelian tertentu yang dibuat menggunakan Kad Debit VISA AFFIN ISLAMIC anda.
- c. Bagi mengelakkan penipuan, anda akan menerima Kod Pengesahan melalui SMS untuk mengesahkan pembelian dalam talian anda yang dilindungi 3D.
- d. Anda dibenarkan untuk menetapkan had amaun keutamaan untuk pemberitahuan transaksi tanpa sentuh SMS dengan mengunjungi cawangan AFFIN ISLAMIC atau AFFIN BANK.

12. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat lanjut tentang produk ini, sila rujuk Terma dan Syarat yang tersedia di semua cawangan Bank yang terdekat atau sila layari [AffinAlways.com](https://www.affinalways.com).

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Pusat Panggilan kami di talian 03-8230 2222 atau e-melkan ke yourvoice@affingroup.com.

Maklumat yang diberikan dalam Lembaran Pendedahan Produk ini sah pada 5 JANUARI 2024.